

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. PUAN TEO NIE CHING
KAWASAN : KULAI

SOALAN:

YB. PUAN TEO NIE CHING (KULAI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan merancang untuk menaik taraf sistem saliran Jalan Besar Kulai supaya masalah banjir kilat yang sering melanda Saleng, Kulai Besar, Batu 21 Kulai dapat diatasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum mengenai isu banjir kilat yang sering berlaku di Jalan Persekutuan FT01, iaitu di kawasan Saleng, Kulai Besar dan Batu 21, Kulai. Berdasarkan siasatan JKR, masalah kejadian banjir kilat tersebut disebabkan oleh limpahan air dari longkang dan sistem perparitan di kawasan pembangunan yang berhampiran akibat hujan lebat. Ini telah memberi kesan terhadap jalan persekutuan FT01 sedia ada di mana kapasiti air yang diterima menjadi lebih tinggi berbanding biasa.

Berikutan itu kementerian ini telah mengarahkan pihak konsesi penyelenggaraan jalan iaitu Selia Senggara Selatan Sdn Bhd. untuk meningkatkan kerja-kerja pembersihan sistem perparitan dan pemetung di sepanjang laluan tersebut. Berdasarkan kontrak, syarikat konsesi itu perlu melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan di jalan persekutuan sebanyak 2 kali dalam tempoh setahun. Pada masa kini JKR juga sedang dalam proses untuk melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf longkang sedia ada, khususnya di Saleng. JKR juga dari semasa ke semasa sentiasa berbincang dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Perbandaran Kulai untuk memastikan setiap perancangan pembangunan yang baru di Kulai akan mengambil kira faktor pembinaan sistem perparitan yang sempurna.

Sekian, terima kasih